



KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

PEMAIN HOKI HANIS DIGANTUNG DAN TIDAK DIBENARKAN MEWAKILI PASUKAN HOKI KEBANGSAAN KE TEMASYA SUKAN SEA CAMBODIA 2023

JAWATANKUASA Siasatan Majlis Sukan Malaysia (MSN) dan Konfederasi Hoki Malaysia (KHM) telah bermesyuarat pada 7 Februari 2023 berhubung isu membabitkan ciapan komen pemain hoki negara, Hanis Nadiah Onn, di laman sesawang Instagram Kosmo Online yang didakwa berbaur perkauman berkenaan konsert artis dan composer dari India, AR Rahman pada 28 Januari 2023.

Jawatankuasa Siasatan yang dipengerusikan secara bersama oleh Ketua Pengarah MSN, Datuk Ahmad Shapawi Ismail dan Presiden KHM, Dato' Sri Subahan Kamal, telah memanggil Hanis untuk sesi tembual bagi membantu siasatan isu berkenaan.

Dalam sesi berkenaan, Hanis mengakui telah memuatnaik ciapan komen 'bau best la kat dalam tu' berserta emoji tertawa sehingga mengeluarkan air mata kepada gambar dan video keadaan konsert yang dimuatnaik oleh Kosmo Online. Ciapan itu dibuat mengekori komen netizen lain pada muatnaik berkenaan.

Hanis menegaskan tidak mempunyai sebarang sentimen perkauman semasa memuatnaikkan ciapan yang sekadar jenaka dan merujuk kepada keadaan stadium dipenuhi puluhan ribu penonton. Beliau hanya menyedari wujudnya elemen berbaur perkauman setelah ditegur oleh netizen.

Ekoran daripada teguran itu, Hanis telah memadam komen beliau pada pagi 29 Januari 2023 dan membuat permohonan maaf secara terbuka menerusi laman media sosialnya ekoran kekhilafan itu.

Hanis mengakui amat kesal dengan keterlanjuran ciapannya dan menegaskan bahawa beliau bukan seorang yang 'racist' dan membesar dalam masyarakat majmuk di Kluang, Johor serta memiliki ramai rakan berbangsa India, terutamanya sebagai atlet negara.

Jawatankuasa Siasatan juga telah memanggil jurulatih skuad hoki wanita negara, Mohd Nasihin Nubli Ibrahim yang menyatakan sebagai pemain utama pasukan, Hanis memiliki perwatakan merendah diri serta berdisiplin tinggi sepanjang latihan dan kejohanan.

Mohd Nasihin juga mengakui Hanis memiliki ramai rakan-rakan hoki di kalangan bangsa India dan mereka bergaul rapat tanpa masalah ekoran sifatnya yang mudah mesra dengan rakan sepasukan.

Hasil daripada sesi temubual dan setelah memperhalusi beberapa dapatan lain berhubung isu berkenaan, Jawatankuasa Siasatan telah merumuskan bahawa Hanis telah memuatnaik ciapan komen yang berbaur perkauman kerana komen itu ditujukan kepada konsert dihadiri majoriti kaum India.

Sehubungan itu, Jawatankuasa mendapati Hanis telah bersalah sebagai individu kerana membuat kenyataan atau komen secara terbuka di akaun media sosial miliknya yang menjurus kepada menghina, mengutuk atau mencaci sesuatu pihak lain.

Hanis juga didapati bersalah kerana ciapan komen yang boleh disalah erti atau menimbulkan salah faham, kegusaran ataupun kemarahan sesuatu pihak lain.

Sebagai pemain hoki negara, Hanis didapati bersalah kerana telah membuat komen yang mengakibatkan kerosakan kepada imej pasukan dan KHM yang jelas melanggar kod etika KHM.

Sehubungan itu, Jawatankuasa Siasatan memutuskan untuk KHM tidak mempertimbangkan Hanis dari mewakili pasukan hoki kebangsaan ke mana-mana tugas antarabangsa termasuk temasya Sukan SEA Cambodia 2023. Pihak KHM akan menilai semula keputusan ini sekiranya Hanis mempamerkan perubahan sikap yang positif sepanjang tempoh tersebut.

Jawatankuasa berharap tindakan itu akan menjadi ingatan dan pengajaran berguna kepada Hanis serta semua atlet negara untuk sentiasa berhati-hati dengan sebarang hantaran ataupun ciapan di semua platform media sosial.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

9 FEBRUARI 2023